

# Pakej rangsang ekonomi asas laksana projek kecil

UM - 8 FEB 2002  
Oleh ANI AWANG

BUKIT MERTA JAM 7 Feb. — Kerajaan Pusat akan menjadikan pelaksanaan projek dalam pakej rangsangan ekonomi, sebagai asas kepada pembentukan garis panduan bagi meneruskan pelaksanaan projek-projek kecil yang lain di luar bandar atau di bandar.

Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Samsuddin Osman berkata, ini kerana pengalaman dan strategi yang digunakan dalam melaksanakan pakej berkenaan banyak yang berjaya dan boleh dijadikan asas untuk menentukan garis panduan itu.

Menurut beliau, daripada pemantau terhadap pelaksanaan projek rangsangan ekonomi berkenaan terdapat beberapa perkara yang perlu diberi perhatian supaya pelaksanaannya nanti menjadi bertambah kemas kini.

"Kebanyakan faktor kejayaan projek itu kerana kerjasama antara agensi pelaksanaan, komunikasi dan persefahaman yang baik.

"Sebagai contoh kejayaan Pulau Pinang

menyiapkan projek-projek dalam pakej berkenaan terutama pendekatan kerjasama antara agensi kerajaan dan kontraktor boleh digunakan bagi memastikan kejayaan projek kecil pada masa akan datang," katanya kepada pemberita.

Samsuddin berkata demikian selepas mendengar taklimat mengenai pelaksanaan Projek-projek dalam Pakej Rangsangan Ekonomi Negara tahun 2001 Pulau Pinang di Pejabat Daerah Seberang Perai Tengah di sini hari ini.

Beliau dalam rangka lawatan sehari untuk meninjau pelaksanaan projek tersebut di lima daerah di negeri ini.

Projek pakej rangsangan ekonomi negara merupakan pakej bernilai RM1 bilion yang telah diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad pada September tahun lepas.

Menurut beliau setakat ini, projek pakej rangsangan ekonomi negara berjumlah RM810 juta melibatkan pelaksanaan 24,841 projek sedang dan telah dilaksanakan di seluruh negara sejak September tahun lepas.

Antara negeri yang telah menyiapkan projek tersebut ialah Pulau Pinang dengan jumlah keseluruhannya ialah RM54.1 juta, Negeri Sembilan (RM55.6 juta), Melaka (RM49 juta) dan Kelantan (RM11.4 juta).

Perlis (RM48 juta), Kedah (RM61 juta), Perak (RM69 juta), Selangor (RM64.2 juta), Wilayah Persekutuan (RM18.6 juta), Johor (RM66.3 juta), Pahang (RM63.6 juta), Terengganu (RM10.1 juta), Sabah (RM115.7 juta) dan Sarawak (121.9 juta) masih dalam pelaksanaan.

Terdahulu dalam ucapannya, Samsuddin meminta pejabat daerah dan pihak berkuasa tempatan di seluruh negara supaya memperluaskan konsep sehari bersama pelanggan kerana pelaksanaan konsep mesra rakyat oleh kerajaan terbukti berjaya.

Beliau berkata, konsep itu dapat membantu rakyat mendapatkan perkhidmatan berkualiti dan rakyat tidak lagi mengadu kepada pihak ketiga terutama akhbar dalam menangani masalah yang mereka hadapi.